



## Masalah pada Window

**S**AYA menggunakan komputer riba model Acer 2.16GHz 667MHz Accelerator 4500M. Ketika membuka komputer riba tersebut, terdapat paparan masalah sebelum masuk ke sistem Window iaitu *Window cannot repair computer automatically*. Bagaimana cara untuk mengatasi masalah ini?

-Azhar.

Pertamanya, masalah ini perlu diselidik terlebih dahulu jenis sistem Windows yang digunakan dan keserasian perkakasan yang ada.

Namun begitu, kebiasaan masalah ini berlaku disebabkan oleh berlakunya kehilangan atau kerosakan pada mana-mana fail sistem utama dalam sistem Windows.

Ada banyak kaedah untuk mengatasi masalah ini yang akan dibincangkan seterusnya.

Kaedah Perbetul But:

**1** Selepas komputer dihidupkan semula beberapa kali, lihat kepada pilihan pada menu *Boot Options*.

**2** Pilih *Troubleshoot > Advanced Options*.

**3** Pilih *Command Prompt* daripada senarai pilihan.

**4** Apabila *Command Prompt* muncul, masukkan baris arahan berikut dan tekan *Enter* selepas setiap baris menjalankannya.  
*Bootrec.exe /rebuildbcd*  
*Bootrec.exe /fixmbr*  
*Bootrec.exe /fixboot*

**5** Seterusnya, kemungkinan ada keperluan buat baris arahan tambahan untuk program *chkdsk*. Untuk melaksanakan arahan ini, perlu diketahui huruf pemacu untuk semua *partition* cakera keras.

*Chkdsk / r c:*

*Chkdsk / r d:*

**6** Operasikan semula komputer dan lihat kesannya dapat diperbetul atau tidak.

Terdapat cara lain sekiranya cara ini tidak berkesan seperti but menerusi mod selamat dan jalankan arahan *DISM/Online/Cleanup-Image/RestoreHealth* atau pilih *Safe Mode with Command Prompt* dan taip arahan *sfc /scannow /offbootdir=d:\ /offwindir=d:\ windows*.

Antara cara yang lain sekiranya masih bermasalah ialah nyahkan pelancaran awal perlindungan aplikasi *anti-Malware*, buang mana-mana fail sistem yang diketahui bermasalah, nyahkan fungsi *Automatic Startup Repair*, pulihkan *Windows Registry*, buat pemeriksaan pembahagian cakera keras berserta sistem pengoperasian yang dikandungnya atau laksanakan *Refresh*.